

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU**

DALAM PERKARA TUNTUTAN HADHANAH

SAMAN NO : 11300-028-XXXX-20XX.

ANTARA

**TTPP BINTI SSNN
KP: XXXXXX-11-56XX**

PLAINTIF

DENGAN

**PJPJ BIN HAHA
KP : 222222-11-XXXX**

DEFENDAN

**DI HADAPAN YANG ARIEF,
TUAN HAJI MOHD NAZRI BIN YUSOF P.J.K.,
HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU,
DI KUALA TERENGGANU**

**PADA HARI ISNIN, 00 JAMADIL AWAL 14XXH,
BERSAMAAN 00 JANUARI 20XX.**

ALASAN PENGHAKIMAN

ATAS TUNTUTAN Plaintiff, tuntutan ini dipanggil untuk merekodkan perjanjian penyelesaian pada 00 **Januari 20XX** di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu di Kuala Terengganu dengan kehadiran Plaintiff, TTPP BINTI SSNN No. KP: XXXXXX-11-56XX dan Defendan, PJPJ BIN HAHA, No. KP: 222222-11-XXXX. Setelah mendengar keterangan yang diberikan oleh Plaintiff dan Defendan serta persetujuan bersama pihak-pihak **MAKA PADA HARI INI YANG ARIEF HAKIM TELAH MEMBUAT PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT :**

Kes ini adalah suatu Tuntutan Hadhanah yang dikemukakan oleh Plaintiff, TTPP BINTI SSNN terhadap bekas suaminya Defendan, PJPJ BIN HAHA ke atas tiga (3) orang anak hasil perkahwinan Plaintiff dengan Defendan iaitu:

1) Nama : MOMO BIN PJPJ
No. Mykad : 888888-11-05XX
No. Daftar Kelahiran: BR X1X9X
Tarikh Lahir : 26 Ogos 2006

2) Nama : STSTS BINTI PJPJ
No. Mykid : 777777-11-01XX
No. Daftar Kelahiran: BY X5X4X
Tarikh Lahir : 16 Jun 2008

3) Nama : KAKA BIN PJPJ
No. Mykid : 100114-11-0223
No. Daftar Kelahiran: CE X5X2X
Tarikh Lahir : 14 Januari 2010

(Selepas ini disebut sebagai 'Anak-anak tersebut')

Kes ini diselesaikan secara persetujuan bersama antara pihak-pihak pada 00 **Jamadil Awal 14XX Hijrah bersamaan 00 Januari 20XX**. Dengan persetujuan bersama yang telah disahkan oleh kedua-dua pihak kepada Mahkamah, maka persetujuan tersebut akan direkodkan pada hari ini.

FAKTA DAN LATAR BELAKANG KES

Tuntutan yang didengar di hadapan Mahkamah ini merupakan Tuntutan Hadhanah yang dikemukakan oleh Plaintiff, TTPP BINTI SSNN terhadap Defenden, PJPJ BIN HAHA. Tuntutan Hadhanah ini dibuat ke atas tiga (3) orang anak hasil perkahwinan Plaintiff dan Defendan. Plaintiff dan Defendan telah **berkahwin pada 24 Disember 20XX**. Semasa tuntutan ini difailkan, Plaintiff dan Defendan telah **bercerai pada 14 Mac 20XX** iaitu **perceraian talak satu kali pertama dengan kebenaran Mahkamah**.

Plaintiff telah memfailkan tuntutan di hadapan Mahkamah ini pada 00 **Disember 20XX**. Dalam **Pernyataan Tuntutan itu, Plaintiff dalam perenggan bernombor 5** ada mendakwa bahawa selepas berlakunya perceraian, kanak-kanak tersebut berada di bawah jagaan Defendan setakat ini. Berdasarkan Pernyataan Tuntutannya Plaintiff ingin memohon agar penjagaan anak-anak tersebut dikekalkan di bawah jagaan Defendan namun memohon supaya hak lawatan dan bermalam yang sewajarnya diberikan kepada Plaintiff mengikut tarikh, masa dan tempat yang difikirkan sesuai dan munasabah oleh Mahkamah yang Mulia. Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, Plaintiff dalam Pernyataan Tuntutannya dalam perenggan bernombor 6, memohon kepada Mahkamah sebagaimana berikut:

6. Oleh yang demikian, bersandarkan kepada alasan-alasan yang dinyatakan di dalam pernyataan tuntutan ini, maka Plaintiff dengan rendah diri memohon daripada Mahkamah yang Mulia ini perintah-perintah seperti berikut:

6.1 Mensabitkan hak hadhanah ke atas anak-anak tersebut iaitu:

6.1 Nama : MOMO BIN PJPJ
No. Mykad : 888888-11-05XX
No. Daftar Kelahiran: BR X1X9X
Tarikh Lahir : 26 Ogos 2006

6.2 Nama : STSTS BINTI PJPJ
No. Mykid : 777777-11-01XX
No. Daftar Kelahiran: BY X5X4X
Tarikh Lahir : 16 Jun 2008

6.3 Nama : KAKA BIN PJPJ
No. Mykid : 666666-11-02XX
No. Daftar Kelahiran: CE X5X2X
Tarikh Lahir : 14 Januari 2010

Diberikan kepada Plaintiff, TTPP BINTI SSNN, No. KP: XXXXXX-11-50XX sehingga ada perintah lain yang berhubung dengannya. Dan hak lawatan serta bermalam bagi kanak-kanak tersebut diberikan kepada Plaintiff, TTPP BINTI SSNN, KP: XXXXXX-11-56XX pada setiap cuti sekolah, cuti perayaan, cuti hujung minggu dan sekiranya terdapat majlis yang dihadiri mahupun yang diadakan oleh pihak Plaintiff serta jikalau terdapat kes kecemasan yang melibatkan Plaintiff dan ahli keluarga Plaintiff.

Plaintif dan Defendan telah berusaha untuk menyelesaikan pertikaian antara mereka secara penyelesaian Sulh. Majlis Sulh telah diadakan antara Plaintiff dan Defendan pada **00 Januari 20XX, jam 11.00 pagi di Kamar Pertemuan Sulh 4, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu**. Laporan Sulh memaklumkan kedua-dua pihak telah hadir dalam majlis tersebut dan berjaya mencapai persetujuan yang akan direkodkan pada hari ini. Justeru itu, sebelum Mahkamah merekodkan sesuatu perjanjian persetujuan yang dipersetujui oleh pihak-pihak, Mahkamah perlu meneliti fakta kes, bidang kuasa serta isu kes dalam tuntutan Plaintiff ini.

BIDANG KUASA MAHKAMAH

Menurut Hukum Syarak dan Undang-undang

Dalam Tuntutan Hadhanah, Mahkamah Tinggi ini adalah berbidang kuasa mendengar dan memutuskan tuntutan ini. Berdasarkan **Seksyen 11(3)(b) (iii) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001** yang mana memperuntukkan :

11(3) *Mahkamah Tinggi Syariah* hendaklah -

(a)

(b) *dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan-*

i)

ii)

iii) nafkah orang-orang tanggungan, kesahatarafan, atau penjagaan atau jagaan (hadhanah) budak-budak;

Dari segi Hukum Syara', sebagaimana yang dinyatakan oleh Muhammad Salam Madkur dalam kitabnya *Al-Qada' fi al-Islam*, Matbaah al 'Aalamiyah, Kaherah, 1964, halaman 54 menyebut bahawa:

هو أن يخصص ولى الأمر القاضى عند تقليده القضاء أو بعد ذلك بنوع معين من القضايا, كالأحوال الشخصية, أو المدنى, أو التجاري, أو الجنائى إلى غير ذلك, فلا يصح له أن ينظر في نوع آخر غيره

Maksudnya: *“Bidang kuasa mengikut jenis kes ialah pemerintah mengkhususkan bidang kuasa ke atas seseorang hakim semasa perlantikan hakim itu atau selepas perlantikan dibuat dengan menentukan bahawa hakim itu mempunyai bidang kuasa tertentu sahaja seperti diberi bidang kuasa bagi mengendalikan undang-undang diri, undang-undang sivil, undang-undang perdagangan atau bagi undang-undang jenayah dan seumpamanya ; oleh yang demikian hakim itu hanya berbidangkuasa bagi kes-kes yang dia hanya diberi bidangkuasa sahaja dan hakim itu tidak boleh melaksanakan bidangkuasa lain yang tidak diberi kepadanya.”*

Mahkamah juga berpuas hati dengan pemastautinan Plaintiff sebagaimana peruntukan **seksyen 2, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017** yang memberikan tafsiran “bermastautin” ertinya tinggal tetap atau kelazimannya dalam sesuatu kawasan tertentu yang mana Mahkamah berpuas hati bahawa semasa tuntutan ini dibuat, Plaintiff tinggal di alamat **di Felda Jerangau, 21820 Ajil, Terengganu**. Justeru itu, mengikut peruntukan Hukum Syara’ dan undang-undang yang berkuat kuasa di Negeri Terengganu, jelas bahawa Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu adalah Mahkamah yang kompeten dan mempunyai bidang kuasa dalam mendengar dan memutuskan kes berkaitan Tuntutan Hadhanah ini.

Maka dengan ini, berdasarkan Hukum Syara’ dan undang-undang, Mahkamah berpuas hati bahawa Plaintiff layak dan mempunyai kausa tindakan untuk membuat Tuntutan Hadhanah di Mahkamah ini dan Mahkamah boleh mendengar dan memutuskan Tuntutan Hadhanah yang difailkan oleh Plaintiff.

ISU KES

Berdasarkan tuntutan Plaintiff dalam kes di hadapan Mahkamah ini, Mahkamah mendapati bahawa terdapat **dua (2) isu utama** yang perlu dijawab dan dijelaskan iaitu **isu pertama, adakah anak-anak tersebut masih tertakluk kepada hadhanah atau tidak. Manakala, isu kedua adalah siapakah yang lebih layak terhadap hadhanah anak-anak tersebut, sama ada Plaintiff atau Defendan.**

Isu Pertama: Adakah anak-anak tersebut masih lagi tertakluk kepada hadhanah atau tidak.

Berhubung isu pertama dalam kes ini, Mahkamah terlebih dahulu merujuk kepada petikan dalam kitab *Al-fiqh al-Manhaji* oleh Dr Mustofa Al-Khin dan lain-lain, jilid kedua, cetakan kelima 1424H/2003M, Darul Qalam, Damsyek Syria, menyebut bahawa:

واحضانة فى اصطلاح الشريعة الإسلامية : هي حفظ من لا يستقل يأمر نفسه, وتربيته بمختلف وجوه التنمية والإصلاح, وتنتهى بالنسبة للصغير إلى سن التمييز. أما رعايته بعد ذلك إلى سن البلوغ, فتسمى : كفالة, لا حضانة.

Terjemahan: "Hadhanah dari segi istilah syara' ialah menjaga seseorang yang tidak dapat menguruskan dirinya dan mendidiknya dengan pelbagai kaedah yang mendatangkan kebaikan kepadanya sesuai dengan perkembangannya. Bagi kanak-kanak kecil hadhanahnya berakhir sehingga mencapai umur mumayyiz. Menjaga dan mendidik kanak-kanak selepas umur mumayyiz sehingga mencapai umur baligh, tidak dinamakan hadhanah tetapi dinamakan kafalah."

Berdasarkan petikan dalam kitab *Al-fiqh al-Manhaji* ini, Mahkamah mendapati bahawa hadhanah ialah menjaga seseorang yang tidak dapat menguruskan dirinya dan

mendidiknya dengan pelbagai kaedah yang mendatangkan kebaikan kepadanya sesuai dengan perkembangannya. Selain itu, Mahkamah juga merujuk kepada kitab *Mughni al-Muhtaj*, jilid Ketiga, juzuk ketiga, cetakan Darul Fikir, pada halaman 425, karangan Al-Sheikh Muhammad Al-Khatib Al-Syarbini yang menyatakan sebagaimana berikut:

وشرعا حفظ من لا يستقل بأمور نفسه عما يؤذيه لعدم تمييزه كطفل وكبير
مجنون وتربيته أى تنمية المحضون بما يصلحه بتعهده بطعامه وشرابه
ونحو ذلك

Terjemahan: “*Hadhanah dari segi syara’ bererti tanggungjawab menjaga seseorang yang tidak mampu menguruskan dirinya sendiri, oleh kerana tidak mampu membuat pemilihan mana satu yang baik dan mana satu yang buruk, seperti kanak-kanak kecil atau orang dewasa yang gila, dan juga tanggung jawab memberi pendidikan kepada mereka yang berkenaan itu hingga menyebabkan mereka berjaya menjadi manusia yang baik, serta tanggung jawab memberi makan minum dan seumpamanya kepada mereka.*”

Berdasarkan kitab tulisan Al-Sheikh Muhammad Al-Khatib Al-Syarbini pula ada mengistilahkan hadhanah sebagai tanggungjawab dalam menjaga seseorang yang tidak mampu menguruskan dirinya sendiri atau seseorang yang tidak mampu membuat pilihan antara sesuatu yang baik dengan yang buruk serta tanggungjawab memberi pendidikan kepada mereka yang berkenaan itu hingga menyebabkan mereka berjaya menjadi manusia yang baik. Selain itu, tanggungjawab memberi makan minum dan seumpamanya kepada mereka termasuk dalam ruang lingkup hadhanah yang perlu dipenuhi. Dalam kitab tersebut, “seseorang itu” merujuk kepada antaranya kanak-kanak kecil.

Berdasarkan kedua-dua kitab yang dirujuk di atas, Mahkamah mendapati bahawa Hukum Syara' mengariskan bahawa dalam perkara hadhanah ini, kebajikan anak adalah menjadi suatu keutamaan.

Manakala, dalam peruntukan undang-undang, masih belum ada tafsiran berkanun bagi perkataan hadhanah. Walaupun begitu, dalam **subseksyen 11(3)(b)(iii), Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001**, yang memperuntukkan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan, antaranya termasuklah penjagaan atau jagaan (hadhanah) budak-budak. **Subseksyen 84(2), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017** pula antara lain memperuntukkan hadhanah sama ertinya dengan penjagaan anak.

Secara kesimpulannya, berdasarkan takrifan Hukum Syara' dan undang-undang yang dirujuk, Mahkamah mendapati bahawa hadhanah adalah membawa maksud suatu hak yang diberikan bagi menjalankan tanggungjawab dalam menjaga kebajikan seseorang yang masih tidak mampu menguruskan kebajikan diri sendiri termasuklah kebajikan terhadap makan minum, pendidikan, keselamatan dan sebagainya.

Oleh itu, bagi menjawab isu pertama dalam kes Tuntutan Hadhanah ini, Mahkamah berpendapat bahawa anak-anak tersebut masih di bawah umur serta masih memerlukan kepada seseorang yang boleh menguruskan keperluan diri dan kehidupannya sehari-harian serta penjagaan dari sudut kebajikan, pendidikan dan keselamatan diri oleh sebab usianya yang masih terlalu kecil dan belum mampu untuk menguruskan keperluan hidupnya sendiri.

Mahkamah merujuk kepada **Pernyataan Tuntutan Plaintiff yang telah difailkan pada XX Disember 20XX**. Berdasarkan Pernyataan tersebut, Plaintiff mendakwa bahawa **anak-anak tersebut masing-masing berumur 14 tahun, 12 tahun dan 10 tahun** ketika Tuntutan Hadhanah ini difailkan. Sebagaimana Sijil Kelahiran yang dilampirkan, Mahkamah mendapati bahawa anak pertama mereka yang bernama MOMO BIN PJPJ lahir pada 28 Ogos 2006. Bererti semasa tuntutan ini difailkan, anak pertama mereka berumur 14 tahun. Tambahan pula, anak kedua mereka yang bernama STSTS BINTI PJPJ dilahirkan pada 16 Jun 2008 dan pada tarikh tuntutan ini difailkan, anak tersebut berumur 12 tahun. Manakala, anak ketiga mereka yang bernama KAKA BIN PJPJ dilahirkan pada 14 Januari 2010 dan pada tarikh tuntutan ini difailkan, anak tersebut baru berumur 10 tahun. Dengan itu, isu pertama ini terjawab dan Mahkamah menyatakan di sini bahawa anak-anak tersebut masih lagi tertakluk kepada hadhanah.

Isu Kedua: Siapakah yang lebih layak terhadap hadhanah anak-anak tersebut, sama ada Plaintiff atau Defendan.

Seterusnya, berkenaan dengan isu kedua ini iaitu sama ada Plaintiff atau Defendan yang berhak ke atas hadhanah bagi anak-anak tersebut, Mahkamah merujuk kepada kitab *Kifayatul al Akhyar*, karangan Al-Imam Taqiyuddin Abi Bakar bin Muhammad, (ulamak pengikut mazhab Syafie kurun kesembilan Hijrah), juzuk 2, halaman 93, cetakan Sulaiman Marie, Singapura, ada menyebut:

وهي نوع من الولاية إلا أنها بالإناث أليق، لأنهن أشفق وأهدى إلى التربية وأصبر على القيام بها وأشد ملازمة للأطفال، ومؤنة الحضانة على الأب، لأنها من أسباب الكفاية كالنفقة، فإذا فارق الرجل زوجته فالأم أحق بحضانة الولد منه، ومن النساء باشرط

Terjemahan: "Hadhanah adalah sejenis kuasa, kecuali atas sebab-sebab yang tertentu, diberi kepada perempuan kerana mereka lebih menaruh kasih sayang kepada kanak-

kanak, lebih tepat untuk mendidiknya, lebih sabar dalam melaksanakan tugas memelihara kanak-kanak dan perempuan juga sentiasa lebih banyak bergaul dengan kanak-kanak. Pembiayaan hadhanah tertanggung ke atas bapa kerana pembiayaan hadhanah itu adalah diperlukan sama seperti nafkah. Apabila seseorang lelaki bercerai dengan isterinya, ibu (isteri itu) adalah lebih berhak mendapat hak hadhanah anak pasangan itu daripada bapa anak itu, dan daripada wanita-wanita yang lain dengan beberapa syarat."

Berdasarkan petikan dalam kitab *Kifayatul al Akhyar* di atas, pengarang di dalam kitab ini menyatakan bahawa **hadhanah diberikan kepada perempuan kerana mereka lebih menaruh kasih sayang kepada kanak-kanak, lebih tepat untuk mendidiknya, lebih sabar dalam melaksanakan tugas memelihara kanak-kanak dan perempuan juga sentiasa lebih banyak bergaul dengan kanak-kanak.** Pengarang turut menambah dengan menyatakan bahawa apabila seseorang lelaki (bapa) bercerai dengan isterinya, ibu kepada isterinya (nenek) adalah lebih berhak dalam mendapatkan hak hadhanah anak mereka berbanding bapa atau wanita-wanita lain namun ianya tertakluk kepada beberapa syarat.

Dalam hal ini, Mahkamah berpendapat bahawa dalam susunan keutamaan hadhanah, ibu (sekiranya tidak hilang kelayakan) merupakan orang yang paling layak untuk mendapatkan hadhanah berbanding bapa. Bagi menjelaskan berkaitan dengan susunan keutamaan hadhanah, Mahkamah merujuk kepada **seksyen 84, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017** yang menyatakan sebagaimana berikut:

Orang yang berhak menjaga kanak-kanak

84. (1) Tertakluk kepada seksyen 85, ibu adalah yang paling berhak dari segala orang bagi menjaga anak kecilnya dalam masa ibu itu masih dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinannya dibubarkan.

(2) Jika Mahkamah berpendapat bahawa ibu adalah hilang kelayakan di bawah Hukum Syarak dari mempunyai hak terhadap hadhanah atau penjagaan anaknya, maka hak itu, tertakluk kepada subseksyen (3), hendaklah berpindah kepada salah seorang yang berikut mengikut susunan keutamaan yang berikut, iaitu—

- (a) nenek sebelah ibu hingga ke atas peringkatnya;*
- (b) bapa;*
- (c) nenek sebelah bapa hingga ke atas peringkatnya;*
- (d) saudara perempuan seibu sebapa;*
- (e) saudara perempuan seibu;*
- (f) saudara perempuan sebapa;*
- (g) emak saudara sebelah ibu;*
- (h) anak perempuan bagi saudara perempuan seibu sebapa;*
- (i) anak perempuan bagi saudara perempuan sesibu;*
- (j) anak perempuan bagi saudara perempuan sebapa;*
- (k) anak perempuan bagi saudara lelaki;*
- (l) emak saudara sebelah bapa;*
- (m) waris lelaki yang menjadi 'asobah;*

dengan syarat penjagaan orang demikian tidak menjejaskan kebajikan kanak-kanak itu.

(3) Tiada seseorang lelaki berhak terhadap penjagaan seseorang kanak-kanak perempuan melainkan lelaki itu adalah seorang mahram, iaitu, dia mempunyai pertalian dengan kanak-kanak perempuan itu dalam mana dia dilarang berkahwin dengannya.

(4) Tertakluk kepada seksyen 85 dan 87, jika ada beberapa orang dari keturunan atau peringkat yang sama, kesemuanya sama berkelayakan dan bersetuju menjaga kanak-kanak itu, penjagaan hendaklah diamanahkan kepada orang yang mempunyai sifat-sifat paling mulia yang menunjukkan perasaan paling kasih sayang kepada kanak-kanak itu, dan jika kesemuanya sama mempunyai sifat-sifat kemulian, maka yang tertua antara mereka adalah berhak mendapat keutamaan

Peruntukan **subseksyen 84 (1), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017** dengan jelasnya memperuntukkan bahawa ibu adalah orang yang paling berhak berbanding orang lain dalam hal menjaga anak kecilnya iaitu sama ada ketika ibu itu masih dalam perkahwinan atau selepas berlakunya perceraian. Oleh itu, dapatlah difahami di sini bahawa ibu diberikan keutamaan dalam menjaga anak yang masih kecil berbanding bapa mahupun nenek atau selain daripadanya. Sekiranya dikaitkan pula antara peruntukan **subseksyen 84 (1)** ini dengan petikan dalam kitab *Kifayatul al Akhyar* di atas, dapatlah difahami bahawa antara alasan ibu diberikan keutamaan untuk mendapatkan hadhanah adalah kerana mereka boleh memberikan lebih kasih sayang kepada anak-anak, lebih sabar dalam melaksanakan tugas memelihara anak-anak dan sentiasa lebih banyak bergaul dengan anak-anak.

Begitu juga dengan petikan dalam kitab *Al-Umm* yang telah dinukilkan oleh Imam Al-Shafei, jilid ketiga, juzuk kelima, cetakan Darul Mukrifah, Beirut, Labanon pada halaman 92. Petikan dalam kitab tersebut ada menyatakan sebagaimana berikut:

فإذا افترق الأبوان وهما في قرية واحدة، فالأم أحق بولدها ما لم تتزوج وما كانوا صغارا فإذا بلغ أحدهم سبعا أو ثماني سنين وهو يعقل خير بين أبيه وأمه، وكان عند أيهما اختار، فإن اختار أمه فعلى أبيه نفقته، ولا يمنع من تأديبه

Maksudnya: "Al-Shafie berkata, apabila berpisah kedua ibu bapa dan kedua-duanya berada di dalam satu qaryah, maka ibu adalah lebih berhak terhadap anaknya selama dia belum berkahwin lain dan semasa anak itu masih kecil. Sekiranya anak itu mencapai umur tujuh tahun atau lapan tahun dan dia mempunyai kesempurnaan akal, anak itu disuruh membuat pilihan penjaganya diantara bapanya atau ibunya dan anak itu hendaklah bersama dengan penjaga pilihannya itu, sekiranya dia memilih ibunya maka tanggungjawab nafkah ke atas bapanya dan bapa tidak boleh dihalang daripada mendidiknya"

Petikan dalam kitab tersebut turut membawa maksud yang sama dengan kitab *Kifayatul al-Akhyar* yang dirujuk oleh Mahkamah sebelum ini. Dalam kitab *Al-Umm* ini, pengarang ada menyatakan bahawa apabila berlaku perceraian antara ibu bapa kepada anak tersebut dan kedua-duanya berada dalam *qaryah* yang sama, maka ibu adalah lebih berhak menjaga anak tersebut yang masih kecil selagi dia (ibu) belum berkahwin lain.

Selain itu, petikan dalam kitab *Al-Umm* juga turut menyatakan bahawa sekiranya anak itu telah mencapai umur tujuh tahun atau lapan tahun dan dia mempunyai kesempurnaan akal, anak itu boleh menyatakan kehendaknya sama ada inginkan bapanya ataupun ibunya sebagai penjaga pilihannya. Mahkamah berpendapat bahawa pandangan atau pilihan anak itu boleh didengar sekiranya telah mencapai umur *mumayyiz* yang dibenarkan untuk membuat pilihan. Perkara ini ada dikanunkan dalam **subseksyen 87(2), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017.**

(2) Setelah tamatnya hak hadinah, penjagaan adalah turun kepada bapa, dan jika kanak-kanak itu telah mencapai umur kecerdikan (*mumayyiz*), maka kanak-kanak itu adalah

berhak memilih untuk tinggal dengan samada ibu atau bapanya, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.

Berdasarkan **subseksyen 87(2)** di atas, adalah jelas bahawa bagi kanak-kanak yang telah mencapai umur kecerdikan (*mumayyiz*), mereka berhak untuk memilih sama ada ingin tinggal bersama ibu atau bapanya. Selain itu, frasa ayat dalam subseksyen 87(2) ini yang menyatakan, "**melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya**" membawa maksud bahawa ianya tertakluk kepada perintah Mahkamah sama ada memerintahkan sebagaimana yang dipilih oleh kanak-kanak tersebut atau tidak kerana kecenderungan utama yang perlu diberi perhatian oleh Mahkamah adalah pada kebajikan kanak-kanak itu. Dalam erti kata lain, Mahkamah tidaklah tertakluk semata-mata kepada kemahuan atau pilihan yang dibuat oleh kanak-kanak itu. Hal ini kerana, berkemungkinan pilihan yang dibuat oleh kanak-kanak tersebut (untuk tinggal bersama salah seorang ibu atau bapanya), menurut perkiraan Mahkamah adalah tidak menjamin kebajikannya.

Rentetan itu, Mahkamah merujuk kepada **subseksyen 89(2)(b), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017**. Peruntukan tersebut adalah sebagaimana berikut:

(2) Untuk memutuskan dalam jagaan siapakah seseorang kanak-kanak patut diletakkan, pertimbangan yang utama ialah kebajikan kanak-kanak itu dan, tertakluk kepada pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada-

(a).....

(b) kemahuan-kemahuan kanak-kanak itu, jika dia telah meningkat umur dapat menyatakan sesuatu pendapatannya sendiri.

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, peruntukan ini menyatakan bahawa Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada kemahuan kanak-kanak itu sekiranya telah meningkat ke peringkat umur yang membolehkan dia menyatakan pendapatnya sendiri. Walau bagaimanapun, Mahkamah tidaklah tertakluk semata-mata kepada kemahuan atau pilihan yang dibuat oleh kanak-kanak itu dalam membuat keputusan kerana Mahkamah juga perlu membuat pertimbangan dari aspek lain bagi memastikan kebajikan kanak-kanak itu terjaga. Namun, berdasarkan peruntukan ini Mahkamah berpendapat bahawa Mahkamah pertimbangan yang wajar ke atas kemahuan kanak-kanak tersebut hendaklah diambil kira.

Berbalik kepada persoalan dalam isu kedua dalam kes ini iaitu sama ada Plaintiff atau Defendan yang berhak ke atas hadhanah anak-anak tersebut, Mahkamah sekali lagi merujuk kepada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017. Merujuk kepada **seksyen 85, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017**, seksyen ini ada memperuntukkan berkaitan **kelayakan yang perlu untuk penjagaan**. Peruntukkan dalam seksyen tersebut adalah sebagaimana berikut:

85. Seseorang yang mempunyai hak mendidik seseorang kanak-kanak, adalah berhak menjalankan hak terhadap hadhanah jika –

- a) orang itu adalah seorang Islam;*
- b) orang itu adalah sempurna akal;*
- c) orang itu berumur yang melayakkan dia memberi kepada kanak-kanak jagaan dan kasih sayang yang mungkin diperlukan oleh kanak-kanak itu;*
- d) orang itu berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiah; dan*
- e) orang itu tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.*

Dalam kes Tuntutan Hadhanah di hadapan Mahkamah ini, Mahkamah mendapati bahawa Plaintif dalam kes ini adalah memenuhi syarat yang telah ditetapkan dalam peruntukan di atas.

Mahkamah merujuk kepada kes *Noornita Kamaruddin lwn. Faeiz Yeop, (2004) CLJ (Sya), halaman 198*. Jawatankuasa Rayuan Syariah, Selangor memutuskan bahawa rayuan ditolak dan hak penjagaan anak itu (Norfeeza Binti Faeiz) diberikan kepada bapanya Faeiz Bin Yoep dan anak tersebut dibenarkan melawat dan tinggal bersama dengan ibunya Noornita Binti Kamaruddin.

Fakta dalam kes ini adalah Perayu dan Responden telah **berkahwin pada tahun 1977** dan mempunyai seorang anak perempuan yang dilahirkan pada tahun 1978 ('Norfeeza'). **Pada tahun 1980 mereka telah bercerai** dan hak jagaan Norfeeza diserahkan kepada Perayu, ibunya. **Pada tahun 1982, perayu telah berkahwin lain** dan berikutnya Responden memohon mendapatkan hak jagaan Norfeeza. **Pada 17 Ogos 1984, Yang Arif Kadi Besar memutuskan bahawa oleh sebab perayu telah berkahwin dengan lelaki yang bukan muhrim kepada Norfeeza, maka beliau telah kehilangan hak untuk menjaga Norfeeza** dan dengan itu, memberikan hak jagaan anak tersebut kepada Responden. **Perayu merayu dan rayuannya telah didengar oleh Jawatankuasa Rayuan pada 3 Disember 1988, iaitu 4 tahun kemudian.**

Isu utamanya kes rayuan ini adalah sama ada jagaan anak tersebut harus terus diberikan kepada Responden atau tidak. Pertimbangan ini dibuat atas alasan kemaslahatan dan kebajikan anak tersebut yang telah tinggal bersama-sama dengan Responden selama lebih empat tahun. Selain itu, ketika rayuan didengar, anak tersebut sudah berumur 10 tahun.

Panel Rayuan bagi kes *Noornita Kamaruddin lwn. Faeiz Yeop* dalam Alasan Penghakiman telah menyatakan sebagaimana berikut:

“Dalam kes kita ini, Kadi Besar Yang Arif telah memberikan hak penjagaan anak itu kepada penentang (si bapa) kerana perayu (si ibu) telah berkahwin dengan seorang lelaki yang bukan muhrim kepada anaknya. Perayu telah mengemukakan rayuan. Jika rayuan itu dapat didengar tidak lama selepas itu, maka ada kemungkinannya hak penjagaan terhadap anak itu boleh diberikan kepada perayu kerana anak itu sudah tinggal bersama dengannya selama lebih empat tahun. Malangnya, rayuan itu hanya dapat didengar pada 3 Disember 1988 iaitu apabila umur anak itu sudah pun meningkat kepada 10 tahun setelah tinggal bersama bapa dan keluarga barunya selama lebih empat tahun. Anak perempuan itu sudah mumayyiz dan berhak membuat pilihan sama ada hendak tinggal bersama dengan ibunya ataupun dengan bapanya.”

Berdasarkan penghakiman Panel Rayuan bagi kes *Noornita Kamaruddin lwn. Faeiz Yeop* ini, Mahkamah mendapati selepas perceraian berlaku pada tahun 1980, anak tersebut diberikan hak jagaan kepada Perayu. Namun, pada tahun 1982, Perayu telah berkahwin lain. Seterusnya, pada tahun 1984 iaitu 4 tahun selepas berlakunya perceraian (anak tersebut telah tinggal bersama Perayu selama 4 tahun), Yang Arif Kadi Besar telah memutuskan bahawa hak jagaan anak tersebut diserahkan pula kepada Responden. Perayu merayu akan keputusan Yang Arif Kadi Besar tersebut. Bagaimanapun, rayuan tersebut didengar pada tahun 1988 (anak tersebut telahpun tinggal bersama Responden selama 4 tahun).

Selain itu, Panel Rayuan bagi kes *Noornita Kamaruddin lwn. Faeiz Yeop* dalam Alasan Penghakiman juga ada menyatakan bahawa:

“Kami telah menemu ramah anak itu sendiri di dalam kamar hakim dan mendapati bahawa anak itu sungguh cerdik. Dan daripada temu ramah kami itu jelaslah kepada kami bahawa anak itu sungguh cinta akan kedua-dua ibu bapanya dan jika boleh dia hendak tinggal bersama dengan kedua-dua mereka itu. Dia enggan membuat pilihan antara kedua-dua mereka itu. dengan demikian itu, maka terserahlah kepada Jawatankuasa Rayuan ini untuk membuat keputusan yang sukar ini.”

Berdasarkan kepada petikan daripada Alasan Penghakiman di atas bagi kes rayuan ini, Mahkamah beranggapan bahawa anak tersebut sudah mesra dan sayang serta selesa tinggal bersama Responden. Hal ini demikian kerana apabila anak tersebut ditemu ramah, dia tidak terus menyatakan bahawa pilihannya ingin tinggal bersama ibunya. Ini menunjukkan kehidupannya sepanjang tempoh 4 tahun tinggal bersama Responden (bapanya) adalah baik dan terjaga. Oleh sebab anak tersebut tidak membuat mana-mana pilihan dan maka terserah kepada Panel Rayuan untuk membuat keputusan yang adil.

Setelah Mahkamah merujuk kepada keseluruhan Alasan Penghakiman dalam kes *Noornita Kamaruddin lwn. Faeiz Yeop*, Mahkamah mendapati bahawa Panel Rayuan mengambil kira pertimbangan yang menjadi keutamaan sebelum memutuskan apa-apa keputusan. Pertimbangan utama tersebut adalah berkaitan masalah dan kebajikan anak itu. Hal ini dapat dilihat apabila Panel Rayuan mengambil kira tempoh anak tersebut sudah tinggal bersama Responden sebelum rayuan tersebut didengar. Tempoh masa selama 4 tahun merupakan satu tempoh masa yang panjang dan Mahkamah percaya bahawa dalam tempoh tersebut, anak tersebut sudah mesra dengan Responden dan keluarga barunya. Oleh itu, Panel Rayuan mempertimbangkan bahawa masalah dan kebajikannya dianggap akan terjejas terutamanya dalam pembelajarannya sekiranya sekali lagi bertukar jagaan kepada Perayu.

Dengan itu, Panel Rayuan membuat keputusan sebagaimana berikut:

Setelah meneliti segala fakta dan keterangan yang ada di hadapan kami, cacatan dalam perbicaraan di hadapan kadi besar, alasan hukuman Yang Arif Kadi Besar, hujah daripada Peguam kedua-dua belah pihak dan kesan kepada temu ramah kami dengan anak tersebut, maka dengan sebulat suara kami memutuskan seperti berikut:

- 1) *Rayuan ini ditolak.*
- 2) *Hak penjagaan anak itu (Noorfeeza Binti Faeiz) diberikan kepada bapanya Faeiz Bin Yoep.*
- 3) *Anak itu dibenarkan melawat dan tinggal bersama dengan ibunya Noornita Binti Kamaruddin dengan syarat seperti berikut:*
 - i. *Sekali setiap dua minggu mulai hari ini (3 Disember 1998)*
 - ii. *Pada setiap cuti penggal selepas penggal pertama dan penggal kedua mulai hari ini (3 Disember 1998)*
- 4) *Belanja guaman hendaklah dibayar oleh pihak masing-masing.*

Berpandukan kepada kes *Noornita Kamaruddin lwn. Faeiz Yeop* ini, Mahkamah merumuskan dua (2) perkara.

Pertama: Ibu telah berkahwin lain dengan seorang lelaki yang bukan mahramnya

Dalam situasi hak jagaan pada awalnya telah diberikan kepada ibu dan kemudiannya ibu telah berkahwin lain dengan seorang lelaki yang bukan mahramnya, hak jagaannya boleh dan akan terlucut. Oleh itu, hadhanah akan bertukar kepada nenek atau bapa

(dalam kes *Noornita Kamaruddin lwn. Faeiz Yeop* ini, hadhanah bertukar kepada bapa).

Kedua: Tempoh masa kanak-kanak tersebut tinggal bersama salah seorang ibu atau bapanya

Lama tempoh tersebut akan mempengaruhi keputusan Mahkamah sama ada menerima atau menolak sesuatu Tuntutan Hadhanah yang dibuat. Hal ini kerana, semakin lama tempoh kanak-kanak tersebut tinggal bersama salah seorang ibu atau bapanya, semakin kurang kebarangkalian untuk Mahkamah memutuskan keputusan kepada pihak yang satu lagi. Melainkan, sepanjang tempoh anak tersebut tinggal bersama ibu atau bapanya (walaupun dianggap tempoh masa yang lama), tetapi sekiranya masalah dan kebajikan anak tersebut tidak terjaga, Mahkamah akan membuat keputusan yang sebaliknya.

Selain itu, Mahkamah juga merujuk kepada kes *Norhaiza Azizan Bin Saat Ahmad, (2004) CLJ (Sya), halaman 499*. Kes ini merupakan suatu permohonan yang dibuat oleh Pemohon iaitu ibu di bawah Seksyen 76, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pahang) 1987 untuk mengubah perintah Kadi yang memberikan hak jagaan seorang anak yang belum mumayyiz kepada Responden iaitu bapa anak tersebut. Perintah Kadi tersebut adalah berdasarkan persetujuan bersama Pemohon dan Responden yang mana Pemohon bersetuju bahawa anak tersebut dijaga oleh Responden sekiranya Responden menceraikannya. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Pahang, Yang Arif Abdul Rahman Bin Yunus telah menolak permohonan tersebut atas alasan sebagaimana berikut:

- 1) Di bawah Seksyen 76, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pahang) 1987, sesuatu tuntutan untuk mengubah Perintah Kadi boleh dibenarkan jika dibuktikan bahawa telah berlaku:
 - (i) suatu kesilapan nyataan; atau
 - (ii) suatu kesilapan fakta; atau
 - (iii) suatu perubahan matan kepada hal keadaan kesMalangnya, ketiga-tiga perkara ini langsung tidak disentuh oleh Pemohon dalam keterangannya.
- 2) Fakta bahawa Responden bekerja sebagai pemandu teksi bukan alasan untuk mengatakan bahawa ia akan mengabaikan tanggungjawabnya terhadap Nia. Sebagai bapa, Responden berkewajipan untuk mencari rezeki dan berhak mengupah orang lain untuk menjaga Nia. Pemohon juga gagal memberika keterangan yang kukuh mengenai kelemahan dan kecuaiian Responden yang dikatakan itu.
- 3) Walaupun ibu adalah orang yang paling berhak kepada hadhanah anak yang belum mumayyiz, hak itu boleh hilang kerana halangan-halangan yang tertentu. Berdasarkan Seksyen 84, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pahang) 1987, ibu akan hilang kelayakan antara lain jika ia berkahwin lain dengan orang yang bukan mahram kepada anak. Ianya mengikut, jikapun pemohon mencukupi syarat-syarat lain, perkahwinannya dengan orang yang bukan muhrim dengan Nia di sini telah menyebabkan beliau hilang kelayakan untuk menghadhanahkan Nia. Kerelaan suami Pemohon untuk sama-sama menjaga Nia bukanlah alasan untuk memberi hadhanah kepada Pemohon.
- 4) Ibu Pemohon bukan merupakan pihak yang menuntut di sini. Beliau datang hanyalah sebagai saksi kepada pemohon. Oleh itu, Pemohon silap bilamana menyangka bahawa jika seseorang ibu hilang kelayakan maka secara automatik hadhanah dipindahkan kepada nenek. Hukum dan melaksanakan hukum adalah dua perkara berbeza dan Mahkamah

tidak boleh melaksanakan hukum kepada nenek kecuali terlebih dahulu mendengar tuntutan yang ada dihadapannya.

- 5) *Harus juga diingat bahawa Responden pada masa ini belum berkahwin lagi. Beliau tinggal bersama dengan keluarga di sebuah rumah yang agak selesa. Tentu sekali Nia yang telah lama bersama dengan keluarga ini merasa aman dan kebajikannya akan tercapai dengan jayanya dengan terus tinggal bersama mereka. Responden juga mampu untuk menafkahi Nia dengan baik sehingga dewasa memandangkan kepada pendapatannya yang agak lumayan.*

Fakta dalam kes ini adalah Pemohon dan Responden **berkahwin pada 12 Mei 1991** dan telah bercerai pada **10 September 1995** dengan perceraian talak tiga. Hasil perkahwinan, mereka telah **dikurniakan seorang cahaya mata pada 1 April 1992**, iaitu Nia Atirah Binti Saad. **Pemohon telah berkahwin lain pada 2 Februari 1996**. Pemohon menuntut hak jagaan bagi anak tersebut kerana selepas perceraian, hadhanah diberikan kepada Responden dan semenjak itu anak tersebut tinggal bersama dengan Responden. Rentetan itu, Perintah Kadi daripada Daerah Maran telah menetapkan bahawa bapa adalah sebagai penjaga kepada anak ini selepas perceraian mereka. Dalam kes yang dirujuk ini, Pemohon memohon meminda perintah Mahkamah Kadi Daerah Maran itu. semasa kes ini masih dalam prosiding, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Pahang mengekalkan dahulu perintah Kadi Maran itu.

Oleh itu, berdasarkan fakta kes dan Alasan Penghakiman lengkap oleh Yang Arif Hakim Bicara, keputusan bagi permohonan bagi kes tersebut adalah sebagaimana berikut:

Saya dengan ini hukuman:

- 1) *Nia Atirah Bte Saat adalah dijaga oleh bapanya Saat Bin Ahmad.*
- 2) *Norhaiza Bte Azizan hilang kelayakan penjagaan terhadap Nia Atirah.*

- 3) *Tuntutan saksi YM Bakhifah untuk hadhanah adalah ditolak.*
- 4) *Norhaiza berhak mengambil Nia Atirah untuk bersamanya separuh dari cuti penggal persekolahan.*
- 5) *Norhaiza berhak melawat Nia Atirah bila-bila masa dengan izin bapanya dan tidak dibenarkan membawa keluar dari tempat hadhanah kecuali dengan izin bapanya.*

Berdasarkan kepada penghakiman keseluruhan yang dirujuk bagi kes *Norhaiza Azizan Bin Saat Ahmad ini*, Mahkamah dapat simpulkan beberapa perkara yang penting. Antaranya adalah:

- i. Perkahwinan ibu dengan lelaki yang bukan mahram dengan anak perempuannya menyebabkan haknya terhadap hadhanah adalah terlucut walaupun telah memenuhi syarat-syarat yang lain.
- ii. Redha suami baru untuk sama-sama menjaga anak tersebut adalah tidak dapat dijadikan alasan yang kukuh untuk mendapatkan hadhanah.
- iii. Bapa (yang telah diberikan hak jagaan semenjak perceraian berlaku) adalah belum berkahwin lagi dan tinggal bersama keluarganya di sebuah rumah yang agak selesa dan sudah pasti anak tersebut yang telah lama bersama dengan keluarga ini merasa aman dan kebajikannya adalah terjaga dengan baik.

Selain daripada rujukan kepada kes-kes yang telah diputuskan, Mahkamah juga merujuk kepada kitab *Al-Fiqh al-Muqarram li ahwal sakhsiyyah* oleh Badran Abdul Ainami, juzuk 1, halaman 543 hingga 544:

غاية لأمر أن حق الصغير أقوى لأن مصلحته مقدمة على مصلحه ابويه وأنه يجب
وإصلاح للصغير في باب الحضانه العمل بما هو أنفع

Maksudnya: *“Tujuan hadhanah adalah ditujukan kepada anak itu dan hak anak adalah lebih utama kerana kebajikan adalah didahulukan dari kebajikan kedua ibu bapanya. Mengutamakan kebajikan anak adalah dimestikan kerana dengan itu akan dapat mencapai perkara yang terbaik lagi elok untuk anak itu dalam bab hadhanah.”*

Rujukan kepada petikan dalam kitab ini mengukuhkan lagi bahawa hak anak adalah lebih utama kerana kebajikannya adalah didahulukan dari kebajikan kedua ibu bapanya dan selari dengan **subseksyen 89 (2), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017** yang menggariskan bahawa:

(2) Untuk memutuskan dalam jagaan siapakah seseorang kanak-kanak patut diletakkan, pertimbangan yang utama ialah kebajikan kanak-kanak itu dan, tertakluk kepada pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada-

- (a) kemahuan-kemahuan ibubapa kanak-kanak itu; dan*
- (b) kemahuan-kemahuan kanak-kanak itu, jika dia telah meningkat umur dapat menyatakan sesuatu pendapatannya sendiri.*

Oleh yang demikian, berdasarkan Hukum Syara’, peruntukan undang-undang, rujukan kes serta fakta dalam kes ini, Mahkamah beranggapan bahawa Plaintiff adalah berhak untuk mendapatkan hadhanah anak-anak tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya hak jagaan diberikan kepada Plaintiff, Defendan adalah tidak terhalang daripada mendapatkan akses yang patut bagi tujuan berjumpa, melawat, bermalam dan berhari raya bersama-sama anak-anak tersebut.

PERJANJIAN PERSETUJUAN BERSAMA MENERUSI MAJLIS SULH

Tuntutan kes di hadapan Mahkamah ini telah melalui proses di peringkat Majlis Sulh. Majlis Sulh tersebut telah diadakan pada **XX Januari 20XX, jam 11.00 pagi di Kamar Pertemuan Sulh 4, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu**. Laporan sulh memaklumkan kedua-dua pihak telah hadir dan berjaya mencapai persetujuan bersama. Kes pada hari ini dipohon agar persetujuan bersama tersebut direkodkan oleh Mahkamah dan selepas disahkan oleh kedua-dua pihak terma-termannya, dipohon agar dijadikan sebagai Perintah Mahkamah di dalam kes Tuntutan Hadhanah ini. Persetujuan tersebut adalah sebagaimana berikut:

1. Atas persetujuan bersama pihak-pihak bahawa Hak Jagaan tiga (3) orang anak iaitu:

4) Nama : MOMO BIN PJPJ
No. Mykad : 888888-11-05XX
No. Daftar Kelahiran: BR X1X9X
Tarikh Lahir : 26 Ogos 2006

5) Nama : STSTS BINTI PJPJ
No. Mykid : 777777-11-01XX
No. Daftar Kelahiran: BY X5X4X
Tarikh Lahir : 16 Jun 2008

6) Nama : KAKA BIN PJPJ

No. Mykid : 666666-11-02XX

No. Daftar Kelahiran: CE X5X2X

Tarikh Lahir : 14 Januari 2010

(selepas ini disebut sebagai “Anak-anak Tersebut”)

diberikan kepada Defendan, PJPJ BIN HAHA, No. KP: 222222-11-XXXX selaku bapa kandung.

2. Atas Persetujuan Bersama Pihak-pihak bahawa Plaintiff, TTPP BINTI SSNN, No. KP: XXXXXX-11-56XX diberikan hak untuk melawat, membawa keluar dan bermalam bersama anak-anak tersebut pada bila-bila masa yang sesuai dengan syarat memaklumkan terlebih dahulu kepada Defendan serta tidak menjejaskan kebajikan dan waktu persekolahan anak-anak tersebut. Penentuan tarikh dan masa untuk mengambil dan menghantar anak-anak tersebut berdasarkan perbincangan semasa di antara Plaintiff dan Defendan.
3. Atas Persetujuan Bersama Pihak-pihak bahawa Plaintiff, TTPP BINTI SSNN, No. KP: XXXXXX-11-56XX diberikan hak untuk bermalam dan berada bersama anak-anak tersebut sebanyak $\frac{1}{2}$ daripada tempoh mana-mana cuti persekolahan. Penentuan masa untuk mengambil dan menghantar anak-anak tersebut berdasarkan perbincangan semasa di antara Plaintiff dan Defendan.

4. Atas persetujuan bersama pihak-pihak bahawa hak berhari Raya Aidilfitri bersama anak-anak tersebut dibuat setiap tahun antara Plaintiff dan Defendan sebagaimana ketetapan berikut:
 - 4.1 Hari Raya Aidilfitri tahun 2021M/ 1442H bersama Defendan, manakala tahun 2022M/ 1443H bersama Plaintiff dan begitulah seterusnya.
 - 4.2 Sekiranya giliran pada Plaintiff, Plaintiff dibenarkan untuk mengambil anak-anak tersebut sehari sebelum Hari Raya Aidilfitri bermula jam 5.00 petang dan hendaklah menghantar semula anak-anak tersebut kepada Defendan pada Hari Raya keenam sebelum atau pada jam 8.00 malam.
5. Atas persetujuan bersama pihak-pihak bahawa hak untuk berhari Raya Aidiladha bersama anak-anak tersebut dibuat setiap tahun antara Plaintiff dan Defendan sebagaimana ketetapan berikut:
 - 5.1 Hari Raya Aidiladha tahun 2021M/ 1442H bersama Plaintiff, manakala tahun 2022M/ 1443H bersama Plaintiff dan begitulah seterusnya.
 - 5.2 Sekiranya giliran pada Plaintiff, Plaintiff dibenarkan untuk mengambil anak-anak tersebut sehari sebelum Hari Raya Aidiladha bermula jam 5.00 petang dan hendaklah menghantar semula anak-anak tersebut kepada Defendan pada Hari Raya keenam sebelum atau pada jam 8.00 malam.
6. Atas persetujuan bersama pihak-pihak bahawa Plaintiff, TTPP BINTI SSNN, No. KP: XXXXXX-11-56XX diberikan hak untuk bersama anak-anak tersebut pada waktu-waktu kematian, keraian atau kecemasan yang melibatkan diri Plaintiff atau ahli keluarga terdekat Plaintiff dengan syarat memaklumkan terlebih dahulu kepada Defendan.

Mahkamah berpendapat bahawa persetujuan bersama adalah termasuk dalam konsep *sulh* atau perdamaian iaitu penyelesaian secara baik antara kedua-dua pihak yang

bertikai. Penyelesaian secara *sulh* di antara pihak-pihak yang bertikai adalah menepati keadilan, oleh kerana kedua-dua pihak lebih mengetahui apakah yang masing-masing sepatutnya lebih berhak jika dibandingkan dengan tuntutan yang dibuat dalam satu-satu dakwaan. **الصلح** dalam **bahasa arab** bermaksud **putus pertengkaran**.

Manakala dari **istilah syarak** pula, *Al-sulh* membawa **maksud satu perjanjian yang termeterai bagi menyelesaikan perselisihan atau pertikaian di antara pihak-pihak yang beragama Islam**. Kemudian ulama fiqh mentakrifkan '*Al-sulh*' sebagai suatu ikatan perjanjian atau kontrak bersama untuk mencapai pendamaian antara dua atau lebih pihak yang berselisih faham atau bertikai secara sukarela dan redha meredhai.

Mengikut Hukum Syarak, Mahkamah merujuk kepada kitab yang dikarang oleh As-Sheikh Shamsuddin Muhammad bin Ahmad as-Syarbiniy al-Khatib dalam kitab *Mughnīl Muhtaj*, jilid kedua, halaman 177 yang menjelaskan *sulh* sebagai:

، وشرعا عقد يحصل به ذلك النزاع قتل لغة هو

Maksudnya: "Dari segi bahasa *sulh* bermaksud memberhentikan pertikaian, manakala dari segi syarak pula bermaksud suatu akad bagi menamatkan pertikaian pihak-pihak yang bertikai."

Selain itu, Mahkamah juga merujuk kepada sebuah hadis Nabi s.a.w berkenaan dengan *sulh* iaitu sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud (3/304) dan Ahmad (4/366) yang berbunyi:

الصُّلْحُ جَائِزٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ - إِلَّا صُلْحًا أَحَلَّ حَرَامًا أَوْ حَرَّمَ حَلَالًا

Maksudnya: *“Sulh perdamaian itu adalah dibenarkan di antara orang-orang Islam, melainkan perdamaian yang menghalalkan perkara yang haram atau mengharamkan perkara yang halal”*.

Hadis di atas juga menganjurkan supaya umat Islam berdamai terhadap kepada perkara yang dihalalkan dalam Islam. Dalam hadis tersebut juga ada menyatakan akan larangan perdamaian yang menghalalkan perkara yang haram atau perdamaian yang mengharamkan perkara yang halal.

Bertepatan dengan pengertian dan anjuran *Sulh* dalam Islam, Mahkamah mendapati bahawa perihal berkaitan dengan Sulh ini ada diperuntukkan di bawah **seksyen 99, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Terengganu 2001** yang memperuntukkan sebagaimana berikut:

“Pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh, pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan sulh untuk menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian, mengikut Hukum Syarak.”

Berdasarkan peruntukan ini, Mahkamah berpendapat bahawa pihak-pihak boleh mengadakan sulh pada mana-mana peringkat prosiding, bagi maksud menyelesaikan pertikaian antara mereka mengikut kaedah yang ditetapkan atau mengikut Hukum Syarak sekiranya tidak diperuntukkan oleh undang-undang. Seajar dengan peruntukan ini, Mahkamah pula merujuk kepada **Arahan Amalan Bil. 5 Tahun 2006**. Arahan Amalan ini adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah:

“.....yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan bahawa kesan perjanjian persetujuan Sulh yang menepati kehendak Hukum Syarak yang

telah direkodkan dan disahkan oleh Mahkamah tidak boleh ditarik balik dan tidak boleh dirayu oleh pihak-pihak yang terlibat dengan perjanjian persetujuan tersebut”.

Merujuk kepada Arahan Amalan ini, perkara utama yang dapat ditafsirkan ialah konsep sulh ada dinyatakan dalam undang-undang. Namun secara implikasinya, mana-mana perjanjian sulh yang telah dibuat dan direkodkan serta disahkan oleh Mahkamah adalah tidak boleh ditarik balik dan tidak boleh dirayu oleh pihak-pihak yang terlibat.

Walau apa pun bentuk persetujuan bersama yang dibuat antara kedua-dua pihak Plaintiff dan Defendan berkenaan dengan hadhanah terhadap **tiga (3) orang anak mereka**, Mahkamah tetap perlu kembali kepada kaedah asal yang perlu dilihat dan diteliti dalam menentukan hadhanah seseorang kanak-kanak mengikut Hukum Syara' dan undang-undang iaitu *kebajikan kepada anak tersebut adalah yang paling diutamakan* sebagaimana peruntukan **subseksyen 89 (2), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017** yang termaktub sebagaimana berikut:

(2) Untuk memutuskan dalam jagaan siapakah seseorang kanak-kanak patut diletakkan, pertimbangan yang utama ialah kebajikan kanak-kanak itu dan, tertakluk kepada pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada-

(a) kemahuan-kemahuan ibubapa kanak-kanak itu; dan

(b) kemahuan-kemahuan kanak-kanak itu, jika dia telah meningkat umur dapat menyatakan sesuatu pendapatannya sendiri

Mahkamah berpendapat persetujuan bersama secara *Sulh* yang dibuat antara Plaintiff dan Defendan adalah termasuk dalam peruntukan **subseksyen 89(2)(a)** ini iaitu kemahuan ibu bapa kanak-kanak itu, yang mana pertimbangan yang utama ialah

kebajikan kepada kanak-kanak itu sendiri sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen yang sama.

Hal ini bermaksud bahawa sekiranya persetujuan bersama yang termasuk dalam erti kemahuan-kemahuan ibu bapa itu dipercayai boleh menjejaskan kepada kebajikan kanak-kanak itu, maka Mahkamah hendaklah menolak persetujuan yang dibuat dan membuat suatu keputusan yang sewajarnya dengan mengambil kira keutamaan kepada kebajikan kanak-kanak tersebut.

Tuntasnya, berdasarkan Hukum Syara', *sulh* mempunyai syarat-syaratnya, iaitu syarat ke atas orang yang terlibat dan ada juga syarat ke atas perkara yang disulhkan itu. Mengikut syarat-syarat yang telah dihuraikan oleh ahli perundangan Islam, saya berpuashati bahawa tindakan Defendan bersetuju ke atas semua tuntutan Plaintiff itu telah pun memenuhi syarat-syarat orang yang terlibat dan syarat-syarat perkara yang disulhkan itu. Oleh yang demikian, saya dengan ini membuat perintah-perintah di dalam tuntutan ini berdasarkan *sulh* atau persetujuan bersama antara Plaintiff dan Defendan.

PERINTAH MAHKAMAH

1. 1. SAYA PERINTAH ATAS PERSETUJUAN BERSAMA PIHAK-PIHAK

bahawa Hak Jagaan tiga (3) orang anak iaitu:

1.1 Nama : MOMO BIN PJPJ

No. Mykad : 888888-11-05XX

No. Daftar Kelahiran: BR X1X9X

Tarikh Lahir : 26 Ogos 2006

1.2 Nama : STSTS BINTI PJPJ

No. Mykid : 777777-11-01XX

No. Daftar Kelahiran: BY X5X4X

Tarikh Lahir : 16 Jun 2008

1.3 Nama : KAKA BIN PJPJ

No. Mykid : 666666-11-02XX

No. Daftar Kelahiran: CE X5X2X

Tarikh Lahir : 14 Januari 2010

(selepas ini disebut sebagai "Anak-anak Tersebut")

diberikan kepada Defendan, PJPJ BIN HAHA, No. KP: 222222-11-XXXX selaku bapa kandung.

2. **SAYA PERINTAH ATAS PERSETUJUAN BERSAMA PIHAK-PIHAK** bahawa Plaintif, TTPP BINTI SSNN, No. KP: XXXXXX-11-56XX diberikan hak untuk melawat, membawa keluar dan bermalam bersama anak-anak tersebut pada bila-bila masa yang sesuai dengan syarat memaklumkan terlebih dahulu kepada Defendan serta tidak menjejaskan kebajikan dan waktu persekolahan anak-anak

tersebut. Penentuan tarikh dan masa untuk mengambil dan menghantar anak-anak tersebut berdasarkan perbincangan semasa di antara Plaintiff dan Defendan.

3. **SAYA PERINTAH ATAS PERSETUJUAN BERSAMA PIHAK-PIHAK** bahawa Plaintiff, TTPP BINTI SSNN, No. KP: XXXXXX-11-56XX diberikan hak untuk bermalam dan berada bersama anak-anak tersebut sebanyak $\frac{1}{2}$ daripada tempoh mana-mana cuti persekolahan. Penentuan masa untuk mengambil dan menghantar anak-anak tersebut berdasarkan perbincangan semasa di antara Plaintiff dan Defendan.

4. **SAYA PERINTAH ATAS PERSETUJUAN BERSAMA PIHAK-PIHAK** bahawa hak berhari Raya Aidilfitri bersama anak-anak tersebut dibuat setiap tahun antara Plaintiff dan Defendan sebagaimana ketetapan berikut:

4.1 Hari Raya Aidilfitri tahun 2021M/ 1442H bersama Defendan, manakala tahun 2022M/ 1443H bersama Plaintiff dan begitulah seterusnya.

4.2 Sekiranya giliran pada Plaintiff, Plaintiff dibenarkan untuk mengambil anak-anak tersebut sehari sebelum Hari Raya Aidilfitri bermula jam 5.00 petang dan hendaklah menghantar semula anak-anak tersebut kepada Defendan pada Hari Raya keenam sebelum atau pada jam 8.00 malam.

5. **SAYA PERINTAH ATAS PERSETUJUAN BERSAMA PIHAK-PIHAK** bahawa hak untuk berhari Raya Aidiladha bersama anak-anak tersebut dibuat setiap tahun antara Plaintiff dan Defendan sebagaimana ketetapan berikut:

5.1 Hari Raya Aidiladha tahun 2021M/ 1442H bersama Plaintiff, manakala tahun 2022M/ 1443H bersama Plaintiff dan begitulah seterusnya.

5.2 Sekiranya giliran pada Plaintiff, Plaintiff dibenarkan untuk mengambil anak-anak tersebut sehari sebelum Hari Raya Aidiladha bermula jam 5.00 petang dan hendaklah menghantar semula anak-anak tersebut kepada Defendan pada Hari Raya keenam sebelum atau pada jam 8.00 malam.

6. **SAYA PERINTAH ATAS PERSETUJUAN BERSAMA PIHAK-PIHAK** bahawa Plaintiff, TTPP BINTI SSNN, No. KP: XXXXXX-11-56XX diberikan hak untuk bersama anak-anak tersebut pada waktu-waktu kematian, keraian atau kecemasan yang melibatkan diri Plaintiff atau ahli keluarga terdekat Plaintiff dengan syarat memaklumkan terlebih dahulu kepada Defendan.

DIBERI DI BAWAH TANDATANGAN saya dan Meterai Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, pada hari Rabu, 29 Jamadil Awal 1442H Bersamaan 13 Januari 2021.

METERAI

HAKIM